

Rezeki buka empangan

KUALA PILAH – Seperti pesta! Itulah suasana apabila kira-kira 150 penduduk Kampung Pelangai dan kampung sekitarnya menangkap ikan di sepanjang satu kilometer Sungai Muar, di sini.

Sebelum matahari muncul, mereka sudah menunggu di Empangan Kubang Rusa, Pelangai.

Pembukaan empangan yang dilakukan setiap tahun memang selalu mendapat sambutan luar jangkaan daripada penduduk kampung bagi menyertai acara mengoca.

‘Ngoca’, dialek Negeri Sembilan bermaksud tangkap ikan pakai tangan, merupakan satu aktiviti yang tidak asing lagi di negeri ini.

Dengan hanya menggunakan peralatan ringkas seperti jala kecil, raga rotan atau raga plastik (tapisan) sudah memadai untuk turun ke sungai menjalankan aktiviti menyeronokkan itu.

Bagi yang sudah mahir dan berpengalaman, mereka hanya menggunakan tangan semata-mata tanpa sebarang peralatan dan mampu menangkap ikan

dalam jumlah banyak.

Antara ikan yang berjaya ditangkap adalah lampam jawa, sembilang sungai, sebarau, haruan, baung, udang galah, keli dan pelbagai lagi.

Kata Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Faiz Hassan, Empangan Kubang Rusa ini digunakan untuk memberi kemudahan pengairan di sawah padi daerah ini.

“Bila padi sudah dituai dan sementara menunggu kerja-kerja untuk penanaman semula, pintu empangan ini akan dibuka bagi mengganti air baharu selain dapat membersihkan tebing-tebing sungai.

“Ketika pintu empangan dibuka kira-kira jam 8 pagi, kedalam air sekitar tiga meter dan menjelang jam 9 pagi, air surut hingga paras lutut sahaja. Waktu itulah, penduduk turun ke sungai untuk menangkap ikan,” katanya.

Menurut beliau, keadaan ikan yang seolah-olah pening-pening lalat lebih memudahkan penduduk menangkapnya dengan menggunakan tangan atau peralatan ringkas.



Gembira menunjukkan hasil tangkapan di Sungai Muar.